

PM gesa DBKL segera laksana bindakan penambahbaikan Draf PSKL 2040

HAZIRAH HALIM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan tindakan segera terhadap penambahbaikan Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) serta mewartakannya sebelum penghujung tahun ini.

Beliau berkata kerajaan komited memastikan penyediaan PSKL 2040 bersifat inklusif dan komprehensif kepada rakyat selaras dengan visi Kuala Lumpur, Bandar Untuk Semua.

“Saya ambil maklum bahawa pihak DBKL telah menerima sebanyak 639 pandangan daripada 425 peserta yang hadir dalam perlanjutan sesi libat urus yang diadakan pada 18 hingga 26 Mei lalu.

“Secara dasarnya, saya berpuas hati dengan laporan sesi libat urus yang dibentangkan.

“Namun pihak DBKL harus memberi tumpuan dengan mengekalkan kawasan rizab hutan dan lapang bagi memastikan matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya hijau, sihat dan rancak tercapai,” kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika



DBKL harus memastikan matlamat Kuala Lumpur sebagai bandar raya sihat tercapai.

mempengerusikan taklimat bagi mendengar dan meneliti laporan sesi libat urus pindaan Draf PSKL 2040 bersama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan DBKL pada Isnin (17 Julai).

Dalam pada itu, Anwar turut bersetuju agar perumahan mampu milik diperluaskan bagi menampung permintaan warga kota khususnya terhadap jenis perumahan tersebut.

“Cadangan ini adalah sejajar

dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan perumahan mampu milik melalui konsep Kejiranan Madani di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” ujar beliau.

Terdahulu, sesi libat urus Pindaan

Draf PSKL 2040 adalah usaha DBKL untuk mendapatkan pandangan awam di samping memberi pemahaman dan penjelasan secara lebih meluas berkenaan pindaan terkini draf tersebut.